

13) ISU PROJEK PERUMAHAN TERBENGKALAI

Adun : Y.B. Tuan Azmizam Bin Zaman Huri (Pelabuhan Klang)

Kategori : Lisan

Sesi : 2 (2025)

Sub soalan :

- a) Apakah status pemulihan projek perumahan terbengkalai di Selangor yang dikenal pasti sepanjang tahun 2022 sehingga 2025?**

Untuk makluman Yang Berhormat, sepanjang tahun 2022 sehingga 2025 Lembaga Perumahan Dan Hartanah Selangor (LPHS) dengan kerjasama Jabatan Perumahan Negara (JPN) dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) sentiasa berusaha mencari penyelesaian ke atas projek perumahan terbengkalai / bermasalah di Negeri Selangor. Antara projek yang dikenal pasti berpotensi untuk dipulihkan dan telah dipulihkan adalah seperti berikut:

BIL.	PROJEK	PEMAJU	UNIT	STATUS
1.	Taman Meru Makmur, Lot 2225, Klang	Vorpac Sdn Bhd	30	Projek telah siap dan memperolehi CF pada 25 April 2025
2.	Pangsapuri Impian Meru, Klang	Wawasetia Sdn Bhd	195	Projek telah siap dan memperolehi CF pada 29 Mei 2025
3.	Taman Meru Makmur, Lot 2223 & lot 2224, Klang	Mekarkota (M) Sdn Bhd	100	Pembinaan Loji Rawatan Kumbahan sedang dilaksanakan di tapak.
4.	Projek Pembesaran Kampung Desa Mawar, Kuala Selangor	Fokus Perkasa Sdn Bhd	167	Perunding yang dilantik sedang melaksanakan kerja-kerja bagi penyediaan dokumen sokongan dan permohonan Sijil Layak Menduduki (SLM).
5.	Projek Pembesaran Kampung Desa Kerayong Indah, Kuala Selangor	Probil Industries (M) Sdn Bhd	1147	Pihak kontraktor sedang menjalankan kerja-kerja pembinaan di tapak.

BIL.	PROJEK	PEMAJU	UNIT	STATUS
6.	Taman Desa Kencana, Meru, Klang	Faktor Aktif Sdn Bhd	35	Dalam tindakan LPHS untuk mendapatkan kelulusan dan seterusnya mengeluarkan surat pelantikan kontraktor.
7.	Pangsapuri Kos Sederhana Rendah (Blok Kristal), Taman Selayang Mutiara, Selayang	Delpuri Corporation Sdn Bhd	498	Dalam tindakan LPHS untuk mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri bagi melantik Pengurus Projek.
8.	Taman Nustalgia, Seksyen 32, Shah Alam	Avergreen Acres Sdn Bhd	48	Dalam tindakan Pemaju & Pembeli untuk mengemukakan akujanji kepada Kerajaan Negeri.
9.	Taman Andaman 5, Seksyen 30, Shah Alam	Essential Construction & Trading Sdn Bhd	44	Dalam tindakan pemaju untuk mengemukakan dokumen sebelum LPHS mendapatkan kelulusan Pihak Berkuasa Negeri untuk melantik kontraktor.
JUMLAH KESELURUHAN			2,264	

b) Apakah halangan utama yang dikenal pasti LPHS?

Untuk makluman Yang Berhormat, halangan utama yang dapat dikenalpasti dalam usaha pemulihan projek perumahan terbengkalai / bermasalah boleh dibahagikan kepada beberapa kategori utama iaitu isu melibatkan perundangan dan pemilikan, masalah kewangan, isu teknikal, masalah pengurusan / penyelarasan projek dan hilang kepercayaan pembeli / masyarakat serta pembeli tidak memberikan kerjasama untuk menyokong usaha pemulihan projek oleh pemaju penyelamat.